



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN FRANCAIS**

ARAS 4, BLOK MENARA,  
NO. 18 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62652 PUTRAJAYA

Tel : 03-8880 5608 / 07  
Faks : 03-8880 5617

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : MECD:FV.(S)20/171/  
1/ 462 ( 7 )  
Tarikh : 3 Disember 2007



Pengarah Urusan  
Berkat Semangat Sdn Bhd  
Blok 2A, Level 15  
Suite 15-1, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
50470 Kuala Lumpur

No.Faks: 03 2261 4777  
**DENGAN FAKS / POS**

Tuan,

**PERMOHONAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN FRANCAIS SYARIKAT  
BERKAT SEMANGAT SDN BHD DI BAWAH AKTA FRANCAIS 1998**

Sukacita dimaklumkan bahawa dengan kuasa yang diberi di bawah seksyen 8 (1) Akta Francais 1998, Pendaftar Francais telah memutuskan supaya syarikat Berkat Semangat Sdn Bhd **DILULUSKAN** sebagai Pemberi Francais perniagaan makanan dan minuman menggunakan cap dagangan "Hot & Roll" berkuatkuasa mulai **29 November 2007**.

2. Sehubungan dengan itu, pihak Berkat Semangat Sdn Bhd adalah dipohon untuk membuat pembayaran pendaftaran berjumlah **RM 1,000 (RM 1,000 – Fi Pendaftaran) dalam bentuk Wang Pos / Bank Draf kepada Pendaftar Francais**. Pihak tuan juga diminta mengambil semula manual operasi dan manual latihan syarikat tuan di Pejabat Pendaftar, Bahagian Pembangunan Francais, Aras 4, Lot 2G6, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya.
3. Notis tentang keputusan Pendaftar Francais (Notis BAF 3) akan diserahkan sebaik sahaja fi pendaftaran diterima oleh pihak Kementerian.

4. Sila ambil perhatian bahawa Berkat Semangat Sdn Bhd perlu mengemukakan kepada Pejabat Pendaftar Francais **setiap tahun** :-

- i. **Laporan Tahunan (Borang 6)** dalam masa 30 hari dari tarikh ulang tahun pendaftaran ; dan
- ii. **Penyata kewangan mengenai Kumpulan Wang Promosi** yang telah diendors oleh Akauntan Awam berdaftar (jika berkenaan).

5. Pengemukaan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan mengenai Kumpulan Wang Promosi adalah kewajipan di bawah Seksyen 16 dan 22 Akta Francais 1998. Kegagalan berbuat demikian akan membolehkan tindakan undang-undang diambil ke atas Berkat Semangat Sdn Bhd sebagai francaisor berdaftar di bawah Akta Francais 1998.

6. Kementerian ini mengucapkan tahniah atas kelulusan ini dan percaya pihak tuan dapat membantu dalam memajukan industri francais negara.

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,



**(ZAINUDDIN BIN AHMAD)**

Bahagian Pembangunan Francais

b.p. Ketua Setiausaha / Pendaftar Francais

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

s.k. Pengarah Urusan  
Aqalivista Consulting & Services Sdn Bhd  
Suite 14.03, 14<sup>th</sup> Floor  
Wisma Mirama, Jalan Wisma Putra  
50460 Kuala Lumpur

No. Faks: 03 2144 1525